

Konsep Taqwiyah al-Ḥadīth Menurut Aliran Ihyā' Manhaj Al-Mutaqaddimīn: Kajian Karya Al-Irsyādāt Oleh Tāriq 'Iwadhullah **[The Concept Of Taqwiyah al-ḥadīth According To Ihyā' Manhaj Al-Mutaqaddimīn: A Study On The Work Al-Irsyādāt By Tāriq 'Iwadhullah]**

(Ali Abdul Jalil¹, Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi^{2*}, Khalilullah Amin Ahmad³, Mohd Aizul Yaakob⁴)

¹ Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. abduljalil94@yahoo.com.

² (Corresponding Author) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia. dzuldzulraidi@gmail.com.

³ Bahagian Pengajian Islam Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan 11800 Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Malaysia. khalilullahaminahmad@gmail.com.

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. aizulyaakob@kuips.edu.my.

Keywords:

taqwiyah al-ḥadīth; Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn; al-Irsyādāt; Tāriq 'Iwadhullah

ABSTRACT

The controversy surrounding differing views on the classification of hadith has always colored discussions within the field. One major issue of contention is related to the concept of taqwiyah al-ḥadīth, a process aimed at elevating the status of rejected hadiths to an acceptable level due to the presence of *mutāba'ā* (corroboration). Al-Suyūfī, for instance, held the view that a large number of chains of transmission could elevate the status of a hadith, even if it was categorized as *da'īf jiddan* (severely weak). This opinion is followed by some contemporary scholars today, while a contemporary figure, Tāriq 'Iwadhullah, from the school of contemporary hadith criticism known as *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM), criticizes this perspective in his work *al-Irsyādāt*, considering it divergent from the practices of earlier hadith scholars. This article critically analyzes Tāriq 'Iwadhullah's views in his work *al-Irsyādāt* regarding the concept of taqwiyah al-ḥadīth. The study employs a qualitative approach, using documentation as the data collection method and content analysis as the means of data analysis. The findings reveal that Tāriq 'Iwadhullah categorizes problematic hadiths into two groups: potentially erroneous hadiths (*al-khaṭa' al-muḥtamal*) and definitively erroneous hadiths (*al-khaṭa' al-rājiḥ*). According to him, potentially erroneous hadiths can have their status elevated with support from other chains of narration, but definitively erroneous hadiths, such as *munkar* hadiths, cannot be elevated regardless of the number of supporting chains. He also criticizes scholars who do not adhere to such principles, asserting that it contradicts the practices of the early authorities. The suggestion arising from this study is to analyze the perspectives of other hadith traditions for a comprehensive comparative examination.

Kata Kunci:

taqwiyah al-ḥadīth; Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn; al-Irsyādāt; Tāriq 'Iwadhullah, Status Hadith

ABSTRAK

Polemik perbezaan pandangan dalam penentuan status hadith sentiasa mewarnai perbincangan hadith. Antara isu utama yang menjadi perselisihan terkait polemik taqwiyah al-ḥadīth iaitu suatu proses menaikkan darjat hadith-hadith *mardūd* ke martabat *maqbul*

kerana kewujudan *mutāba`āt*. Al-Suyūṭī seperti contohnya berpandangan jumlah sanad yang banyak mampu menaikkan darjat hadith walaupun berstatus *dha'if jiddan*. Hal ini diikuti oleh sebahagian tokoh kontemporari kini. Namun demikian, seorang tokoh kontemporari Tāriq 'Iwadullah daripada aliran kritik hadith semasa *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM) menyelar pandangan ini dalam karyanya *al-Irsyādāt* dan menyifatkannya berbeza dengan praktis ahli hadith silam. Justeru, artikel ini ditulis bagi menganalisis secara kritikal pandangan Tāriq 'Iwadullah dalam karyanya *al-Irsyādāt* berkenaan konsep *taqwiyyah al-ḥadīth*. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi sebagai pengumpulan data dan menjadikan metode analisis kandungan sebagai cara menganalisa data. Hasil daripada kajian ini mendapati Tāriq 'Iwadullah membahagikan kelompok hadith bermasalah kepada dua iaitu hadith yang berkemungkinan silap (*al-khaṭa' al-muḥtamal*) dan hadith yang telah dipastikan silap (*al-khaṭa' al-rājiḥ*). Justeru menurut beliau hadith yang berkemungkinan silap boleh dinaikkan status atau kedudukannya dengan wujud sokongan daripada sanad-sanad lain. Namun demikian, kelompok hadith yang telah dipastikan silap seperti hadith munkar dan sebagainya tidak dapat dinaikkan kedudukannya walaupun terdapat bilangan sanad yang banyak. Beliau juga mengkritik sebahagian ilmuwan yang tidak berpegang dengan kaedah sedemikian kerana tidak selari dengan praktis para *mutaqaddimīn*. Cadangan daripada kajian ini adalah analisis dibuat terhadap pandangan-pandangan daripada aliran hadith yang lain agar perbandingan dapat dijalankan secara saksama.

Received: January 26, 2025

Accepted: May 24, 2025

Online Published: June 30, 2025

1. Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Kajian

Hadith merupakan sumber syariat kedua terbesar di sisi umat Islam (Muhiden, 1996). Justeru itu, para ilmuwan Islam sangat mengambil berat soal ketulenan sesebuah hadith. Menurut Faisal Ahmad Shah (2010), pelbagai kaedah telah dibina oleh para ulama untuk dijadikan panduan dalam kerja-kerja penilaian sesebuah hadith. Walau bagaimanapun, segala kaedah dan *manhaj* yang dibina itu tidak maencukupi untuk mengelakkan perbezaan pandangan di kalangan para ilmun. Hal ini terjadi berikutan setiap tokoh mempunyai pandangan dan cara tersendiri dalam menilai sesebuah hadith. Antara isu utama yang sering memberi kesan terhadap perkara ini adalah polemik *taqwiyyah al-ḥadīth* iaitu suatu proses menaikkan darjat hadith-hadith *mardūd* ke martabat *maqbul* kerana kewujudan *mutāba`āt* (Muhammad Asyraf Baharudin & Roshimah Shamsudin, 2022).

Al-Suyūṭī dan beberapa tokoh hadith lain berpandangan jumlah sanad yang banyak mampu menaikkan darjat hadith walaupun berstatus *dha'if jiddan* (Ali bin Adam al-Itaybī, 1999). Hal ini diikuti oleh sebahagian tokoh kontemporari seperti Mahmūd Sa'īd Mamduḥ yang mewakili aliran kritik hadith semasa kini (Umar Muhammad Noor, 2021). Namun demikian, seorang tokoh kontemporari Tāriq 'Iwadullah daripada aliran kritik hadith semasa *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM) menyelar pandangan ini dalam karyanya *al-Irsyādāt Fī Taqwiyyah al-Ḥadīth Bi al-Syawāhid wa al-Mutāba`āt* dan menyifatkannya berbeza dengan praktis ahli hadith silam. Hal ini berikutan menurut beliau, tidak semua hadith mampu dinaikkan darjatnya walaupun terdapat sokongan daripada sanad-sanad lain.

Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti berkenaan konsep *taqwiyyah al-ḥadīth* menurut *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn*. Kajian memfokuskan karya tokoh daripada aliran ini Tāriq 'Iwadullah yang telah

membahaskan mengenai konsep tersebut secara jelas dalam karya beliau *al-Irsyādāt*. Begitu juga dalam masa yang sama kajian meneliti realiti dan cabaran pengamalan *taqwiyyah al-hadīth* di Malaysia. Hal ini berikutan Malaysia dikenali mempunyai kepelbagai ideologi dan pandangan penganutnya, justeru aplikasi sesuatu metode pasti mempunyai cabaran-cabarannya yang tersendiri.

1.2 Aliran Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn

Syam al-Din al-Dhahabī (1963) menyatakan bahawa had pemisah antara *mutaqaddimīn* dan *muta'akhkhirīn* adalah pada 300 tahun. Menurut Muhammad 'Iṣām 'Aydū (2016), pandangan ini dipersetujui oleh Ibn Hajar, dan diikuti oleh ilmuan hadith semasa seperti Nur al-Dīn 'Itr dan Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Sebahagian ilmuan lain menyatakan garis pemisah antara dua kelompok ahli hadith ini adalah 500 tahun. Ini merupakan pandangan Ahmad Syākir (Iṣām 'Aydū, 2016). Pandangan ini dipersetujui oleh Hamzah al-Malyabārī (2003) namun beliau menamakan ahli hadith yang hidup dari zaman sahabat sehingga tahun ke 500 merupakan golongan ahli hadith fasa periwayatan dan ahli hadith yang hidup selepas itu merupakan ahli hadith pasca periwayatan. Justeru, aliran *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* ialah aliran yang berusaha untuk menghidupkan semula metode kritik hadith fasa periwayatan (Umar Muhammad Noor, 2021).

Walaupun pada dasarnya garis pemisah antara dua kelompok ahli hadith ini merupakan tempoh masa, akan tetapi pemisah sebenar adalah manhaj (al-Malyabārī, 2001). Menurut Hamzah al-Malyabārī (2001), jika ahli hadith itu mengamalkan kritik hadith berdasarkan zahir sanad, maka dia termasuk dalam kelompok *muta'akhkhirīn* biarpun dia hidup di fasa periwayatan. Begitu juga jika seseorang ahli hadith itu mengamalkan kritik hadith berdasarkan *qarā'in*, maka dia termasuk dari kalangan *mutaqaddimīn* biarpun dia hidup pada fasa pasca periwayatan.

Menurut IMM, metode kritik hadith telah mula menyimpang ketika peralihan daripada fasa periwayatan kepada fasa pasca periwayatan iaitu pada abad ke 4 dan ke 5 hijrah. Pada ketika itu, perbahasan ilmu hadith mula bercampur dengan unsur-unsur ilmu lain seperti ilmu usul, ilmu kalam dan ilmu fiqh sehinggalah lahir buku-buku mustalah yang dipenuhi dengan teori-teori yang jauh dari metodologi ahli hadith *mutaqaddimīn*. Dari sudut penilaian hadith, tokoh-tokoh dari aliran ini menganggap bahawa kata-kata para imam *mutaqaddimīn* mestilah dipegang dan penilaian sahih oleh *muta'akhkhirīn* tidak bernilai jika hadith tersebut telah dihukum *ma'lūl* oleh *mutaqaddimīn* (Māhir Yāsin al-Fahl, 2008). Secara dasarnya, kuasa mutlak dalam penilaian hadith diserahkan kepada ahli hadith *mutaqaddimīn* dan ulama hadith terkemudian tidak boleh menyanggahi mereka.

Al-Malyabārī (2001) menyatakan antara tokoh yang terawal membersihkan pemikiran ahli fiqh dalam wacana kritik hadith ialah al-Bayhaqī, dan seterusnya usaha ini diteruskan oleh ramai ulama yang datang selepasnya seperti Ibn Rajab, Ibn Abd al-Hādī dan selainnya. Pada era kontemporari ini, usaha ini disambung oleh 'Abd al-Rahman al-Mu'allimī, Hamzah al-Malyabārī, 'Abd Allah Sa'ad, Ḥātim al-'Awnī, Māhir Yāsin al-Fahl, 'Amrū 'Abd al-Laṭīf dan Ṭāriq 'Iwadhullah.

1.3 Ṭāriq 'Iwadhullah dan karyanya *al-Irsyādāt*

Beliau ialah Ṭāriq bin 'Iwadhullah Muḥammad. Dilahirkan di Mesir pada 1 Mei 1963. Beliau telah mendapat pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang bahasa arab dan pengajian islam dari Kuliyyah Dār al-'Ulūm, Universiti Kaherah. Antara guru-guru beliau ialah Muḥammad Jamīl Ghāzī, Muḥammad Balṭājī, Muṣṭafā Ḥilmī, Abū Ishāq al-Huwaynī dan Muḥammad 'Amrū 'Abd al-Laṭīf. (Midād, t.t).

Semenjak lebih dari 20 tahun, Ṭāriq 'Iwadhullah sering menyampaikan ilmu di masjid-masjid sekitar Kaherah. Kesarjanaan beliau dalam bidang hadith telah mendapat pujian daripada ramai ilmuwan hadith sezaman seperti Abū Ishāq al-Huwaynī, Muḥammad 'Amrū 'Abd al-Laṭīf, dan 'Abd al-Karīm al-Khuḍayr (Universiti Islam Minnesota, 2019). Pada tahun 2016, beliau telah memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang hadith dan *'ulūm al-hadīth* dari Universiti Islam Minnesota, Amerika Syarikat dan seterusnya kini bertugas di universiti tersebut sebagai seorang pensyarah. (Midād, t.t).

Kepakaran Ṭāriq 'Iwadhullah dalam bidang hadith ini terserlah melalui karya-karya yang telah beliau hasilkan. Beliau telah mengarang *alfiyyah* dalam ilmu hadith yang dinamakan sebagai *Lughah al-Muḥaddith al-Kubrā*. Karya ini dicetak bersama huraian ringkas daripada beliau sendiri. Di samping itu, terdapat karya-karya lain

yang telah dihasilkan dalam bidang hadith seperti *al-Irsyādāt Fī Taqwiyyah al-Ḥadīth Bi al-Syawāhid Wa al-Mutāba'āt*, *al-Dibājah Fī 'Ilm al-Ḥadīth*, *al-Madkhal 'Ilā 'Ilm al-Ḥadīth*, dan sebagainya.

Selain itu, beliau juga giat melakukan *taḥqīq* berserta memberi komentar terhadap karya-karya ilmunan silam. Antaranya kitab *Mu'jam al-Awṣat* oleh al-Ṭabrānī, *Masā'il al-Imām Aḥmad Riwāyah Abī Dāwud al-Sijistānī, Jāmi' al-'Ulūm Wa al-Ḥikam, Laqā'if al-Ma'ārif*, dan *Fath al-Bārī* oleh Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Tabyīn al-'Ajab* dan *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Tadrīb al-Rāwī* oleh al-Ṣuyūṭī, *Subul al-Salām* oleh al-Ṣon'ānī, *Nayl al-Awṭār* oleh al-Syawkānī, *'Ulūm al-Ḥadīth* oleh Ibn al-Ṣalāḥ yang mana ia dicetak bersama *Nukat* dari Ibn Hajar dan al-'Irāqī, *al-Ṣārim al-Munkī* oleh Ibn Abd al-Ḥadī, dan sebagainya (Midād, t.t).

Membincangkan mengenai kitab *al-Irsyādāt*, nama penuh bagi kitab ini ialah *al-Irsyādāt Fī Taqwiyyah al-Ḥadīth Bi al-Syawāhid wa al-Mutāba'āt*. Kitab ini dicetak oleh Maktabah Ibn Taymiyyah, Kaherah buat kali pertama pada tahun 1998. Kitab ini ditulis dengan objektif membahaskan kaedah menguatkan hadith dengan *al-Syawāhid* dan *al-Mutāba'āt* selari dengan praktikal ilmunan hadith *mutaqaddimīn* yang mana menurut beliau, ilmunan hadith *muta'akhhirīn* berbeza manhajnya dalam penggunaan *Syawāhid* dan *al-Mutāba'āt*. Di bahagian pendahuluan kitab, Ṭāriq 'Iwadhullah membahaskan perihal kepentingan *i'tibār* dan seterusnya menekankan keutamaan mengikuti ilmunan hadith *mutaqaddimīn* dalam hal ini. Beliau menegaskan bahawa seruan agar mengikuti pandangan ilmuwan hadith *mutaqaddimīn* bukanlah seruan kepada taqlid, menutup pintu ijtihad, dan menyucikan pandangan mereka, akan tetapi ia merupakan seruan supaya mengambil ilmu daripada ahlinya. Beliau menegaskan bahawa orang yang paling mahir dalam bab ini adalah mereka itu telah mahir dalam kesemua bab dalam ilmu hadith seperti bab *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, *'ilal*, riwayat dengan makna dan selainnya. Tidak lain tidak bukan mereka itu ialah Yaḥyā al-Qaṭṭān, Aḥmad Bin Ḥanbal, Ibn al-Madīnī, al-Bukhārī, Muslim, Abū Ḥātim, Abū Zur'ah, Nasā'ī dan selainnya. Begitu juga ilmunan dari kalangan *muta'akhhirīn* akan tetapi menggiatkan jejak langkah ilmunan *mutaqaddimīn* seperti al-Dhahabī, Ibn Hajar, Ibn Rajab dan selainnya.

Ṭāriq 'Iwadhullah (1998) menyatakan bahawa punca para pengkaji kontemporari bercanggah dengan ilmunan yang mahir dalam hal ini ialah kerana mereka tidak menguasai kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh para ilmunan hadith terdahulu, atau sekadar memahami kaedah tersebut dalam bentuk teori tanpa mampu mengaplikasikannya secara praktikal. Beliau menekankan bahawa penguasaan kaedah ini bukan sahaja melibatkan pemahaman, tetapi juga memerlukan latihan yang mendalam dalam analisis hadith berdasarkan metodologi ilmunan *mutaqaddimīn*.

Dalam kitab ini, beliau membahaskan secara terperinci bagaimana ilmunan hadith *mutaqaddimīn* melakukan *i'tibār* dalam pelbagai bab hadith seperti riwayat dengan makna, *taṣḥīf asmā'* dan matan, sulūk al-jādah, serta aspek-aspek lain yang berkaitan dengan analisis sanad dan matan. Ṭāriq turut memberikan contoh-contoh konkrit daripada karya-karya hadith terdahulu untuk menunjukkan bagaimana kaedah-kaedah ini diaplikasikan secara praktikal, dengan tujuan untuk mendidik pengkaji hadith masa kini agar lebih berhati-hati dan cermat dalam melakukan penilaian terhadap sesuatu hadith..

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan kualitatif adalah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji berkenaan konsep *Taqwiyah al-ḥadīth* menurut Ṭāriq 'Iwadhullah (Awang Idris et. al., 2018).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *Taqwiyah al-ḥadīth* dan praktikalitinya oleh para ilmuwan hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *Taqwiyah al-ḥadīth* yang diperkenalkan oleh Ṭāriq 'Iwadhullah dalam karyanya *al-Irsyādāt Fī Taqwiyyah al-Ḥadīth Bi al-Syawāhid Wa al-Mutāba'āt*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *Taqwiyah al-ḥadīth* oleh para ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, konsep dan metodologi penilaian hadith juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat

ilmuan yang muktabar. Seterusnya, kajian juga melihat kepada cabaran praktikaliti atau pengamalan hadith di Malaysia.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Konsep *Taqwiyah al-ḥadīth*

Dalam praktis ahli hadith, kajian mendapati bahawa istilah *taqwiyah al-ḥadīth* sering digunakan. Dari sudut bahasa, *taqwiyah* merupakan *maṣdar* (kata terbitan) daripada perkataan *qawwā*, yang membawa maksud menukarkan sesuatu daripada keadaan lemah kepada kuat (Ibrāhīm Muṣṭafā, Ahmad al-Zayyāt, t.t.). Namun, dari sudut istilah ahli hadith, tidak ditemui definisi khusus yang diberikan oleh para ilmuan terhadap perkataan *taqwiyah*. Walau bagaimanapun, Ibn Hajar memberikan gambaran bahawa *taqwiyah* merujuk kepada proses menaikkan darjat hadith-hadith *mardūd* kepada martabat *maqbul* melalui kewujudan *mutāba`āt* (Muhammad Asyraf Baharudin & Roshimah Shamsudin, 2022).

Antara istilah utama yang sering dibincangkan dalam perbahasan ini ialah *mutābaāt*, *syawāhid*, dan *itibār*. Al-Sakhāwī (2003) menjelaskan:

“Jika terdapat matan lain yang sama maknanya, sama ada daripada sahabat yang sama ataupun selainnya, maka ia adalah *al-syāhid*. Fahamilah bahawa *al-tābi* pula dikhususkan bagi lafaz yang sama, sama ada ia merupakan riwayat sahabat tersebut ataupun selainnya. Guru kami, iaitu Ibn Hajar, menyatakan bahawa pengkhususan *syāhid* untuk makna yang sama merupakan pandangan ilmuan seperti al-Bayhaqī dan yang lain. Walau bagaimanapun, pandangan yang *rājih* ialah tiada pengkhususan untuk *tābi* hanya pada persamaan lafaz dan *syāhid* hanya pada persamaan makna. Perbezaan antara keduanya hanyalah pada sahabat. Apa yang diriwayatkan daripada sahabat yang sama disebut *tābi`*, dan jika daripada sahabat lain, ia disebut *syāhid*.”

Sementara itu, istilah *i`tibār* pula diterangkan oleh al-Suyūṭī (2003) sebagai:

“*Al-itibār* bukanlah sebahagian daripada *mutāba* dan *syāhid*, sebaliknya ia adalah proses untuk sampai kepada keduanya.”

Penjelasan ini menunjukkan betapa pentingnya pemahaman yang tepat terhadap istilah-istilah ini dalam konteks *taqwiyah al-ḥadīth*, kerana ia menjadi asas dalam menilai dan memperkukuhkan kedudukan sesuatu hadith. Walaubagaimanapun, bukan semua hadith yang mempunyai *mutābi* boleh dinaik taraf. Untuk menaikkan taraf sesuatu hadith, *mutābi* itu mestilah berada pada taraf yang sama atau lebih tinggi daripada perawi hadith tersebut. Jika *mutābi`* tersebut berada pada taraf yang lebih rendah, ia tidak boleh dijadikan penguat kerana tidak memenuhi syarat kekuatan dalam sanad. Hal ini penting untuk memastikan kredibiliti hadith tersebut tetap terjaga dan tidak bercanggah dengan prinsip asas dalam kritikan sanad.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar (2018) dalam *al-Nukat*, beliau menegaskan bahawa *mutābi* yang berada pada taraf rendah hanya akan menambahkan kelemahan pada hadith asal, bukan menguatkannya. Oleh itu, penggunaan *mutābi* sebagai penguat mestilah dilakukan dengan berhati-hati, mengambil kira kedudukan dan kedudukan perawi dalam sanad. Ini menunjukkan betapa telitinya para ilmuan hadith terdahulu dalam menilai dan menentukan kesahihan sesuatu riwayat.

3.2 Konsep *Taqwiyah al-ḥadīth* menurut Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn

Abū Amrū Ibn al-Ṣalāḥ (1986) menyatakan bahawa tidak semua hadith lemah boleh dinaik taraf. Hadith-hadith yang terlalu lemah, seperti hadith yang kelemahannya berpunca daripada perawi yang dituduh berdusta atau hadith yang telah dihukum sebagai *syādh*, tidak boleh dinaik taraf. Dalam mengulas pandangan Ibn al-Ṣalāḥ ini, Hamzah Malyabārī (2001) dari IMM menjelaskan bahawa pada asasnya tiada perbezaan antara *syādh* dan *illāh* melainkan dari segi tahap kesamaran. Dari sudut intipati, kedua-duanya tidak berbeza kerana *illāh* juga biasanya berpunca daripada tafarrud yang tidak mempunyai asal. Apabila tafarrud tersebut datang daripada perawi, kesamaran itu menjadi lebih ketara.

Menurut Hamzah lagi, salah satu kesilapan yang kerap dilakukan oleh para pengkaji hadith kontemporari adalah menaik taraf hadith yang telah dihukum oleh para *nuqqād* sebagai *ma' lūl*, disebabkan kewujudan unsur *gharābah* atau *tafarrud*. Tindakan menaik taraf juga dilakukan terhadap hadith yang telah dinyatakan oleh para *nuqqād* sebagai "tiada hadith yang sahih dalam bab ini." Kesilapan ini, menurut Hamzah, berpunca daripada anggapan bahawa perawi yang *ṣāliḥ* (baik) secara automatik diterima riwayatnya, tanpa mengambil kira aspek kritikan hadith.

Pandangan ini turut disokong oleh Tāriq 'Iwadhullah, yang menjelaskan bahawa hadith yang boleh dinaik taraf adalah hadith dengan kelemahan yang bersifat kemungkinan silap (*al-khaṭa' al-muḥtamal*), seperti adanya unsur *irsāl* atau kelemahan hafalan perawi yang sederhana. Sebaliknya, hadith yang telah dipastikan kesilapannya (*al-khaṭa' al-rājiḥ*), seperti *tafarrud* oleh perawi yang sangat lemah, perawi yang dituduh berdusta, penipu, atau mereka yang mempunyai hafalan yang amat teruk, tidak boleh dinaik taraf. Hal yang sama terpakai kepada hadith-hadith yang telah dipastikan kesalahannya oleh para *nuqqād*.

Tāriq 'Iwadhullah menambah bahawa *al-khaṭa' al-rājiḥ* yang tidak boleh dinaik taraf terbahagi kepada dua kategori utama. Pertama, kesilapan yang berkaitan dengan perawi, dan kedua, kesilapan yang berkaitan dengan periwayatan.

1) *Al-khaṭa' al-rājiḥ* berkaitan dengan perawi

Perawi yang dimaksudkan di sini ialah perawi-perawi yang terlalu lemah yang meriwayatkan hadith secara *tafarrud*. Walaupun hadith-hadith dari perawi terlalu lemah seperti pemalsu hadith, perawi yang dituduh berdusta dan sebagainya itu adakalanya mempunyai sokongan daripada perawi *thiqah*, riwayat perawi terlalu lemah itu tetap ditolak kerana perawi apabila dikenali sebagai penipu, tidak aman dari sangkaan bahawa hadith-hadith mereka itu dicuri dari perawi lain ataupun direka sendiri oleh mereka.

2) *Al-khaṭa' al-rājiḥ* berkaitan dengan periwayatan

Perawi yang melakukan kesalahan ini bukanlah dari golongan terlalu lemah, akan tetapi mereka ini dikritik dengan kritikan ringan seperti lemah hafalan, *ikhṭilāṭ* dan kritikan-kritikan yang lain yang tidak mencacatkan *adālah* dan agama perawi, bahkan perawi-perawi ini adakalanya mereka dari kalangan *thiqah*, akan tetapi mereka telah tersilap dalam sesuatu periwayatan, maka riwayat mereka pada ketika itu dikira sebagai *syādh* dan *munkar*.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian ilmunan hadith muta'akhkhirin mempunyai pandangan yang berbeza mengenai isu ini. Mereka berpendapat bahawa hadith yang terlalu lemah masih boleh dinaik taraf ke darjat yang lebih tinggi. Al-Ṣuyūṭī (2003) menyatakan:

“Adapun kelemahan yang berpunca daripada sifat fasiq seorang perawi, atau sifat penipu beliau, maka sokongan daripada perawi lain yang seumpamanya tidak akan memberi kesan kerana kelemahannya terlalu teruk dan tidak layak untuk menjadi penguat. Ya, jika ia mempunyai banyak jalan, maka ia akan dinaik taraf daripada asalnya yang *munkar* atau tiada asal.”

Walaupun pandangan ini diterima oleh sebahagian ilmunan, ia telah dibantah oleh Tāriq Iwadhullah. Beliau menegaskan bahawa para imam hadith memberi amaran supaya berhati-hati dengan riwayat-riwayat yang *syādh* dan *munkar*. Dalam banyak kes, para perawi *thiqah* dan lemah telah disabitkan melakukan kesilapan. Menurut beliau, jumlah jalan periwayatan yang banyak tidak dapat membantu dalam menaik taraf riwayat-riwayat yang telah dihukum sebagai *syādh* atau *munkar*. Sebaliknya, riwayat-riwayat ini lebih cenderung untuk dita'libil oleh riwayat lain. Dari sudut taqwiyyah, riwayat-riwayat yang telah dipastikan salah tidak dapat dijadikan penguat atau menguatkan riwayat lain.

Mengenai hadith yang telah disabitkan *syudhūdh*, Tāriq 'Iwadhullah menjelaskan bahawa walaupun perawi asalnya *thiqah*, tetapi apabila perawi tersebut disabitkan melakukan kesilapan dalam sesuatu hadith, maka tidak masuk akal untuk menjadikan hadith tersebut sebagai hujah atau menaik tarafnya. Ini kerana hadith itu sebenarnya hanya wujud dalam khayalan perawi yang tersilap (al-Albānī, 1998).

Antara contoh kesilapan dalam menaik taraf hadith oleh pengkaji hadith kontemporari adalah berkaitan dengan hadith solat sunat tasbih. Al-Albānī (1998), yang merupakan ilmuan dari kalangan muta'akhkhirīn (Māhir Yāsin al-Fahl, 2008) telah mengatakan bahawa hadith ini sahih dan telah diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, Ibn Mājah, al-Hākim, dan al-Bayhaqī. Beliau juga menyatakan bahawa hadith ini telah dinilai kuat oleh para imam seperti al-Ajurri, Ibn Mandah, al-Mundhiri, dan Ibn al-Ṣalāh. Namun, walaupun sanad hadith ini secara zahirnya kelihatan kuat, ia telah dihukum lemah oleh tokoh-tokoh seperti Ahmad, al-'Uqaylī, Ibn al-Jawzī, dan Ibn Taymiyyah (Amrū 'Abd al-Mu'in, 2000). Ahmad (1981) menyebut:

“Pada pandanganku, tiada yang sabit mengenai solat tasbih.”

Ibn Hajar pula, ketika mentakhrij hadith ini, menyatakan bahawa kesemua sanad hadith ini adalah lemah. Walaupun hadith Ibn Abbās ini menghampiri syarat hadith hasan, ia dianggap syādh kerana adanya tafarrud dalam periwayatannya. Tambahan lagi, *mutābi'* dan *syāhid* yang ada tidak dapat dianggap muktabar. Walaupun Mūsā bin Abd al-'Azīz (perawi hadith ini) dinilai sebagai *ṣadūq* dan *soleh*, tafarrud daripadanya tetap tidak diterima (Ibn Hajar al-'Asqalānī, 1989).

3.3 Taqwiyah al-ḥadīth melalui pendekatan selain sanad

Menurut Tāriq 'Iwadhullah, satu-satunya cara untuk mengetahui status sesebuah riwayat sama ada sahih atau tidak hanya berdasarkan riwayat-riwayat atau sanad yang terkumpul daripada hadith. Hal ini sekaligus menolak pandangan-pandangan yang mengatakan terdapat metodologi lain dalam *taqwiyah al-ḥadīth*. Seperti contoh, terdapat pandangan menyatakan hadith dapat dikuatkan antara satu sama lain dengan *kasyaf* iaitu sesuatu yang dicampakkan ke dalam hati dengan cara anugerah dari makna *ghaibi* dan perkara hakiki secara wujud dan *syuhud* (Al-Jurjānī, 1983). Antara ilmuwan yang dikenali berpegang dengan pandangan sedemikian ialah Ibn al-'Arabī dalam karya-karya beliau (Abdillah Afabih & Viki Junianto, 2022).

Begitu juga isu terkini melibatkan *taqwiyah al-ḥadīth* seputar perdebatan sama ada kajian saintifik yang terbukti selari dengan makna teks hadith mampu mengangkat kedudukan hadith daripada tertolak sehingga diterima. Beberapa kalangan ilmuwan kontemporari menerima pandangan ini dengan prinsip dan panduan tertentu antaranya Jamīl Farīd (2016) dan Rozaimi Ramle (2020). Namun kajian lanjut berkenaan isu ini dapat dijalankan daripada perspektif aliran kritik hadith berbeza agar titik temu antara kesemua pihak dijumpai.

Kesimpulannya Tāriq 'Iwadhullah menolak apa-apa konsep *taqwiyah al-ḥadīth* melainkan dengan sanad dan riwayat semata-mata. Hal ini dilihat selari dengan pandangan tokoh-tokoh daripada aliran IMM yang lain seperti Hamzah Malyabārī, Abdullah al-Sa'd dan sebagainya.

4. Kesimpulan

Taqwiyah al-ḥadīth merupakan perbincangan berkenaan metodologi menaikkan darjat dan status sesebuah hadith daripada tertolak kepada diterima. Perbincangan ini digunakan secara meluas oleh para ilmuwan hadith sebagai salah satu langkah dalam menilai sesebuah hadith. Namun demikian, Tāriq 'Iwadhullah berpandangan sebahagian ilmuwan hadith mutaakhirīn bertindak mengeluarkan pandangan yang berbeza daripada praktis para muta'addimīn antaranya dengan membenarkan hadith-hadith terlalu lemah juga dinaik taraf.

Tāriq 'Iwadhullah bersama karyanya *al-Irsyādāt Fī Taqwiyah al-Ḥadīth Bi al-Syawāhid wa al-Mutāba'āt* membawa perbincangan ini secara terperinci dengan menjelaskan bahawa hadith yang boleh dinaik taraf hanyalah hadith yang berkemungkinan silap (*al-khaṭa' al-muḥtamal*). Hal ini berpunca daripada isu-isu seperti seperti kewujudan *irsāl*, terdapat perawi yang buruk hafalannya, dan lain-lain. Manakala sekiranya hadith tersebut telah dipastikan silap (*al-khaṭa' al-rājiḥ*) seperti isu tafarrud dari perawi yang sangat lemah, penipu, dituduh penipu dan perawi yang sangat teruk hafalannya maka proses naik taraf tidak boleh berlaku.

Dalam masa yang sama, beliau juga membincangkan secara tidak langsung mengenai mengenai konsep *taqwiyah al-ḥadīth* menggunakan pendekatan selain sanad. Menurut beliau hanya sanad yang mampu dijadikan asas bagi menaikkan sesebuah hadith. Justeru kajian ini mencadangkan perbincangan lanjut dilakukan mengenai konsep *taqwiyah al-ḥadīth* menggunakan pendekatan sains moden menurut aliran-aliran yang lain.

5. Penghargaan

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) (Kod penyelidikan: STG-094/2024) yang diterima daripada pihak Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UNISIRAJ). Pengambilkiraan ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdillah Afabih, & Viki Junianto. (2022). Examining Ibn Arabi's Kashf Method on the Authenticity of Hadith. *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis*, 23(1).
- Ahmad bin Hanbal. (1981). *Masā'il Ahmad bin Hanbal riwāyah ibnihi 'Abd Allah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Albānī, Muhammad Nāṣir al-Dīn. (1998). *Ṣaḥīḥ wa Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah*. Iskandariah: Markaz Nūr al-Islām.
- Al-Dhahabī, Syams al-Dīn Muhammad bin Ahmad. (1963). *Lisān al-Mizān* (Jil. 1). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-It'yūbī, Ali bin Adam. (1999). *Syarḥ Alfiyyah al-Suyūṭī*. Madinah: Maktabah al-Ghurabā' al-Athariyyah.
- Al-Jurjānī, 'Ali bin Muhammad. (1983). *Kitāb al-Ta'rīfāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Malyabārī, Hamzah 'Abd Allah. (2001). *Al-Muwāzanah bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta'līlḥā*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Malyabārī, Hamzah Abd Allah. (2003). *Naẓarāt Jadīdah fī Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Sakhāwī, Muhammad bin Abdul Rahman. (2003). *Fath al-Mughīth bi Syarḥ Alfiyyah al-Ḥadīth*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr. (2003). *Tadrīb al-Rāwī fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawī*. Riyadh: Dār Ṭaybah.
- Amrū 'Abd al-Mun'im Salīm. (2000). *Qawā'id Ḥadīthiyyah Naṣṣa 'Alayḥā al-Muḥaqqiqūn wa Ghafala 'Anḥā al-Musytaghilūn*. UAE: Maktabah al-'Amrīn al-'Ilmiyyah.
- Faisal Ahmad Shah, Jawiah Binti Dakir. (2010). Kritikan Ulama Terhadap Manhaj Takhrij Ulama Hadith: Satu Kupasan. *Takhrij hadith Realiti Dan Keperluan Masyarakat Islam Nusantara*.
- Ibn Ṣalāḥ, 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān. (1986). *Ma'rifah Anwā' 'Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.
- Ibrahim Muṣṭafā, Ahmad al-Zayyāt, et al. (t.t.). *Al-Mu'jam al-Waṣīf*. Kaherah: Dār al-Da'wah.
- Jamīl Farīd. (2016). *Athar al-'Ilm al-Tajribī fī Kasyf Naqd al-Ḥadīth al-Nabawī*. Beirut: Nama Center for Research and Studies.
- Māhir Yāsīn al-Faḥl. (2008). Tabāyun manhaj al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fī al-Taṣḥīḥ wa al-Ta'līl. *Majalah al-Ḥikmah*, 36, 37.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, & R Zirwatul Aida R Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad 'Iṣām 'Aydū. (2016). *Nasy'ah 'Ilm al-Muṣṭalah wa al-Ḥad al-Fāṣil bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn*. Amman: Arwiqah.
- Muhammad Asyraf Baharudin, & Roshimah Shamsudin. (2022). Manhaj ilmuan hadis mutaqqaddimin, muta'akhkhirin dan mu'asirin dalam taqwiyyah hadis hasan dan da'if. *Jamalullail Journal*, 1(2).
- Nasruddin Yusuf. (2015). Hadis sebagai sumber hukum Islam (telaah terhadap penetapan kesahihan hadis sebagai sumber hukum menurut Syafi'iy). *Jurnal Potret Pemikiran*, 19(1).
- Ridā bin Zakariyyā bin Muhammad. (2018). *Al-Irsyād ilā Kayfiyyat Dirāsāt al-Isnād*. Giza: Maktabah al-Īmān.
- Rozaime Ramle. Melalui rakaman pengajian beliau. Diakses pada 2 Januari 2025, Pautan: <https://www.facebook.com/watch/?ref=search&v=2609666159292763>.
- Midad, diakses pada 2 Januari 2025, Rujuk laman web Midad: <https://midad.com/scholar/41308>.
- Universiti Islam Minnesota, diakses pada 2 Januari 2025, Rujuk laman web rasmi Universiti Islam Minnesota: <https://www.uimnnesota.com/faculty/tarek-awadallah-phd>.
- Syafi'iy, Al-Muwāzanah bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhkhirīn fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta'līlḥā. (2001). Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Ṭariq Bin 'Iwadhallaḥ Bin Muḥammad. (1998). *Al-Irsyādāt fī Taqwiyyah al-Aḥādīth bi al-Syawāhid wa al-Mutāba'āt*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.